

## **TEKS UCAPAN**

**PROF. DATUK DR. MOHD HARUN ABDULLAH**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Malaysia Sabah**

**Sempena Penandatanganan Surat Niat (Letter of Intent)**  
**Antara UMS-Jabatan Penjara Sabah dan Wilayah**  
**Persekutuan Labuan**

**29 April 2017 |**  
**UMS Kampus Antarabangsa Labuan**

Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

Salutasi

**Yang Berbahagia,**

Timbalan Komisioner Jeneral Penjara Dato

Alzafry Mohamed Al Na Adhan

Timbalan Ketua Pengarah Penjara Malaysia

(Keselamatan dan

**Yang Berusaha,**

Profesor Madya Dr Murnizam Hj Halik  
Pengarah Universiti Malaysia Sabah Kampus  
Antarabangsa Labuan

Komisioner Penjara Hj Nordin Bin Hj Muhamad  
Pengarah Pengurusan Banduan Ibu Pejabat  
Penjara Malaysia

Timbalan Komisioner Penjara Hj Suria Bin Hj  
Idris  
Pengarah Penjara Negeri Sabah dan WP Labuan

Profesor Madya Dr. Mohd Dahlan Hj A. Malek  
Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS

Ketua-ketua Institusi Penjara  
Ketua-ketua Jabatan WP Labuan  
Para Pegawai UMS dan Jabatan Penjara  
Lembaga Hakim Pelawat Pusat Koreksional  
Labuan  
Ketua-ketua kampung di Labuan  
Wakil-wakil media

Dan seterusnya para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Penjara Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan kerana telah memilih Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah untuk mengadakan Majlis Menandatangani *Letter of intent*. Pihak UMS amat berbesar hati menerima jemputan dan pelawaan untuk mengadakan LOI ini kerana melalui persefahaman ini dapat membantu memberikan

ilmu pengetahuan dan kepakaran yang ada di Fakulti Psikologi dan Pendidikan kepada pihak Jabatan Penjara. Diharapkan melalui perkongsian ini dapat membangkitkan kesedaran kepada semua pihak untuk menggembeleng tenaga dalam membantu masyarakat yang hanyut jauh daripada kehidupan normal.

**Y.Bhg Dato' dan hadirin sekalian,**

Untuk pengetahuan, satu bentuk kerjasama telah lama terjalin antara Fakulti Psikologi dan

Pendidikan dengan Penjara Sabah melalui program pemindaan Kemahiran Kaunseling Penyalahgunaan Dadah Strategi Adaptasi *Motivational Interviewing* (AMI) kepada Pegawai Penjara Sabah. Kerjasama ini dilakukan melalui pembiayaan geran *Knowledge Transfer Programme* yang bermula pada tahun 2016 berjumlah RM104,140.00. Geran penyelidikan ini diketuai oleh Dr. Puteri Hayati Megat Ahmad bersama dengan pensyarah yang lain serta para pelajar dalam program SPADA. Sebanyak enam siri bengkel diadakan yang melibatkan ibu

pejabat Penjara Kota Kinabalu dan Pusat Koreksi Labuan.

Melalui siri bengkel tersebut, kemahiran dan kepakaran yang ada di Fakulti Psikologi dan Pendidikan dapat disalurkan kepada pihak Jabatan Penjara seperti peningkatan penguasaan/keyakinan, peningkatan pengetahuan/kefahaman dan keupayaan mengintegrasikan kemahiran kaunseling dengan modul AMI.



## **Hadirin Hadirat yang saya hormati sekalian**

Melalui siri bengkel tersebut dan juga LOI yang bakal dimeterai ini, diharap kedua-dua pihak lebih komited dalam melakukan penyelidikan bersama, membentuk modul yang sesuai dengan kehendak semasa serta menerbitkan hasil penyelidikan tersebut untuk peningkatan kesedaran masyarakat dan pertambahan ilmu dari sudut akademik.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS kerana menyedari keperluan masyarakat yang bergantung kepada bahan terlarang sehingga membentuk modul yang berupaya membantu mereka kembali ke pangkal jalan. Tidak lupa juga terima kasih kepada Jabatan Penjara Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang sudi menitip kerjasama selama ini dengan UMS serta UMS Kampus Antarabangsa Labuan yang bakal menjadi saksi penandatanganan LOI sebentar sahaja lagi. Saya berharap agar

hubungan dan kerjasama ini akan terus erat terjalin agar kita dapat bersatu hati membantu masyarakat di luar sana.

Sekian dan terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.